

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## TAK PATUH SOP: 2 TAPAK PROJEK DI SARAWAK DAN NEGERI SEMBILAN DITUTUP

25 Jun 2021

### PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: BINTULU, SARAWAK

Satu Operasi Penguatkuasaan PKP 3.0 CIDB Negeri Sarawak telah dilakukan di sekitar Daerah Bintulu.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 2 tapak :

- 1 tapak tidak beroperasi
- 1 tapak beroperasi tetapi **tidak patuh SOP**

Satu (1) tapak bina yang menjalankan projek pembinaan bangunan 16 unit kuarters tambahan didapati tidak patuh SOP dan telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan Penguatkuasaan CIDB Sarawak kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Kegagalan patuh SOP kerana kelulusan beroperasi dari MITI bercanggah dengan kerja sebenar yang dilakukan (Kelulusan MITI ditarik balik)
- Tiada rekod suhu pekerja di tapak binaan

**Tindakan:** Notis Mengemukakan Maklumat Mengenai Industri Pembinaan N2/2015 dan Notis Pemberhentian Kerja Pembinaan (Pelanggaran Kewajipan oleh Kontraktor) N3E/2021 kepada Kontraktor Utama.

## **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN**

Satu Operasi Penguatkuasaan PKP 3.0 CIDB Negeri Sembilan telah dilakukan di Daerah Seremban pada hari ini.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 1 tapak :

- 1 tapak **tidak patuh SOP**

Tapak tersebut yang menjalankan projek pembinaan 2 unit kilang industri ringan berkembar setingkat dan pejabat 2 tingkat telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan Penguatkuasaan CIDB Seremban kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Rumah penginapan pekerja yang disediakan tiada kelulusan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Tiada pasukan kecemasan COVID-19 di tapak bina

### **Tindakan:**

1. Notis Pemberhentian Kerja Pembinaan (Pelanggaran Kewajipan oleh Kontraktor) N3E/2021
2. Notis Mengemukakan Maklumat Mengenai Industri Pembinaan N2/2015
3. Notis Pemberitahuan (kesalahan di bawah kewajipan kontraktor) (Seksyen 34b)
4. Notis Arahan Hadir (perhatian kepada pengarah syarikat) N9/2015
5. Menampal notis penutupan tapak bagi kesalahan pelanggaran SOP COVID 19 MKN
6. Menyita keseluruhan tapak bina dengan pita larangan masuk

## **LATAR BELAKANG**

Sebanyak 161 tapak pembinaan diarah tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sejak PKP 3.0 dilaksanakan, sebanyak 2,955 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 573 (19%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 2,382 (81%) tidak beroperasi.

Daripada 573 tapak yang beroperasi didapati 161 tapak pembinaan (28%) tidak mematuhi SOP, manakala 412 (72%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 161 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun, 24 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 161 tapak pembinaan yang ditutup, sebanyak 49 terletak di Sarawak. Negeri-negeri lain pula adalah seperti berikut: Selangor (31), Melaka (14), Sabah (11), Pulau Pinang (10), Johor (9), Perak (7), Terengganu (6), Pahang (6), Negeri Sembilan (6), Kuala Lumpur (5), Kedah (3), Perlis (3) dan Kelantan (2).

Manakala 24 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Selangor (6), Melaka (6), Terengganu (4), Johor (2), Kuala Lumpur (1), Sarawak (4) dan Kedah (1).

## **PERINGATAN**

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

####





